

22/06/2003

Banyak negara minta Malaysia letak calon Setiausaha OIC

KUALA LUMPUR: Banyak negara Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) mahu Malaysia meletakkan calon untuk jawatan setiausaha agung badan yang mewakili negara Islam terbesar di dunia itu, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Berdasarkan perbincangan awal dengan rakan sejawatannya, beliau berkata, tidak ada masalah bagi mereka untuk memberikan sokongan kepada calon dari Malaysia untuk memegang jawatan itu, yang kosong tahun depan.

"Saya akan mendapatkan kepastian daripada pihak kerajaan sama ada kita berminat, jika kerajaan serius, kita akan memikirkan nama yang sesuai untuk dicalonkan," katanya kepada pemberita di luar Perhimpunan Agung Umno Ke-54 di sini, semalam.

Syed Hamid berkata, keinginan negara OIC untuk melihat Malaysia meletakkan calon begitu ketara sehinggakan ada yang bertanya sama ada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri berminat memegang jawatan itu selepas persaraannya daripada semua jawatan parti dan politik Oktober ini.

Setiausaha agung OIC sekarang ialah Dr Abdelouahed Belkeziz dari Maghribi yang menyandang jawatan itu sejak 2001. Perdana Menteri pertama Malaysia, Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ialah setiausaha agung OIC yang pertama dari 1971 hingga 1973.